

## **Najib Ucap Takziah Kepada Keluarga Zainon Ahmad**

**Bernama**

**28 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan takziah kepada keluarga Editor Perunding akhbar The Sun, Zainon Ahmad, yang meninggal dunia semalam akibat kanser hati.

"Takziah kepada keluarga Zainon Ahmad yang baru kembali ke Ramahtullah. Al-Fatihah. Moga Allah SWT memberkati rohnya, Amin," katanya dalam laman Twitter beliau lewat Rabu malam (11.51 malam).

Zainon menghembuskan nafas terakhir pukul 2.25 petang Rabu di Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu selepas dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi hospital itu pada Selasa.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri Hasnah Abdullah, 65, empat anak dan 14 cucu.

Zainon pernah menjadi guru selama tiga tahun sebelum menceburi dunia kewartawanan 35 tahun dulu. Beliau dilantik penolong editor Kumpulan Akhbar The New Straits Times pada 1997 dan menjadi editor perunding pada 2001. Allahyarham kemudian menjadi ketua pengarang akhbar The Sun pada 2002.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=937847>